

BAB 8

KESIMPULAN

8.1 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis urutan tanya-jawab dalam wacana berdasarkan Teori Lakuan Pertuturan (TLP) sebagai pendekatan dalam analisis wacana. Ini bermakna kajian urutan tanya-jawab tersebut berdasarkan data dari konteks perbualan yang sebenarnya dengan mengambil kira peranan sesuatu unsur bahasa (ayat tanya) serta hubungannya dalam konteks pertuturan.

8.2 Kesimpulan

Analisis wacana merupakan satu kerangka untuk menganalisis bahasa yang hidup di kalangan penutur dan pendengar atau watak cerita dalam karya sastera. Analisis wacana tidak menafikan huraian nahu ayat semata-mata, tetapi lebih menyempurnakan lagi huraian terhadap sesuatu bahasa sesuai dengan penggunaannya dalam situasi yang sebenarnya. Berdasarkan kenyataan ini, TLP digunakan sebagai kerangka pendekatan analisis wacana dalam kajian ini.

TLP sebenarnya menerangkan tentang 'apa yang dipersembahkan' oleh penutur dalam komunikasi berbahasa. TLP sebenarnya menekankan fungsi

komunikasi, iaitu tentang *niat pengucapan penutur* dalam sesuatu ujaran. TLP juga lebih memfokuskan perbincangan tentang bahagian-bahagian pengetahuan yang dimiliki oleh penutur dan pendengar dalam percakapan. Bahasa dapat mempersebahkan pelbagai lakuhan kerana manusia memiliki bersama aturan konstitutif, iaitu aturan yang membentuk dan menerangkan lakuhan-lakuhan. Aturan konstitutif adalah sebahagian daripada kemampuan berbahasa dan menerangkan pengetahuan tentang fakta yang merangkumi aspek bahasa dan juga luar bahasa yang dilihat dari segi struktur.

Hakikat sebenar di sebalik TLP adalah pandangan bahawa bahasa mempersebahkan lakuhan pertuturan. Lakuhan pertuturan adalah unit asas komunikasi dan setiap yang bermakna dapat diucapkan. Oleh itu, terdapat serentetan hubungan antara maksud lakuhan pertuturan dengan makna ujaran, maksud penutur, kefahaman pendengar dan juga rumus-rumus yang mendasari unsur-unsur linguistik. Dengan mengambil kira makna ujaran sebagai lakuhan-lakuhan, TLP menyediakan satu pendekatan kepada analisis wacana. Setiap yang diujarkan dapat dipenggal-penggalkan kepada unit-unit yang mempunyai fungsi komunikatif yang dapat dikenalpasti maksudnya. Sesuatu lakuhan pertuturan juga dapat memberikan kemungkinan pilihan kepada ujaran yang berikutnya dalam sesuatu urutan. Oleh itu, lakuhan pertuturan menyediakan ruang untuk membentuk wacana secara berurutan.

Kajian ayat tanya dari sudut nahu dan wacana sangat penting untuk melihat maksud sebenar yang didukung oleh sesuatu ayat tanya. Sumbangan

ahli-ahli bahasa kita dalam kajian-kajian mereka telah menunjukkan perkembangan yang semakin mendalam dan terperinci dalam menghuraikan ayat tanya dalam bahasa Melayu. Bagaimanapun, kebanyakan kajian hanya melihat struktur ayat tanya berdasarkan nahu bebas-konteks semata-mata. Dengan itu, dalam kajian ini telah dibincangkan ayat tanya dalam konteks yang lebih luas, iaitu dalam hubungan urutan tanya-jawab dalam wacana.

Dengan mengaplikasikan TLP sebagai pendekatan analisis wacana, didapati bahawa ayat tanya tertutup yang dikaji dalam novel *Salina* telah digunakan oleh penutur dengan pelbagai maksud. Selain sebagai pertanyaan, ayat tanya juga mendukung maksud permintaan, pernyataan, pengesahan, ajakan, nasihat dan juga amaran. Walaupun pada kebiasaannya, pertanyaan merupakan cara penutur untuk mendapatkan maklumat daripada pendengar, tetapi dalam konteks tertentu, pertanyaan juga dapat berfungsi sebaliknya, iaitu untuk memberikan maklumat. Ini dapat dilihat dalam konteks ayat tanya yang mendukung maksud pernyataan dan nasihat.

Kepelbagaian maksud pada bahagian 'tanya' dalam urutan tanya-jawab telah mempengaruhi maksud ujaran yang mengikutinya, iaitu pada bahagian 'jawab'. Bahagian 'jawab' juga mendukung pelbagai kemungkinan maksud seperti jawapan, persetujuan, penerimaan, penolakan dan juga ketidakendahan, bergantung kepada maksud ujaran sebelumnya. Jawapan-jawapan yang pelbagai maksud ini pula sering diperluaskan atau diberi penerangan lanjutan oleh pendengar.

Dalam konteks ayat tanya terbuka dan permintaan tak langsung, terdapat contoh ujaran yang menunjukkan ayat tanya digunakan oleh penutur untuk maksud pelarian, iaitu penutur sengaja mengujarkannya kerana mahu pendengar mengalihkan tajuk perbualan kepada tajuk yang lain. Urutan daripada bahagian 'tanya' kepada bahagian 'jawab' dan seterusnya kepada perluasan, penerangan atau penerangan lanjutan telah membina ikatan keteraturan fikiran dalam wacana, khususnya urutan tanya-jawab.

8.3 Beberapa Cadangan

Kajian tentang bahasa Melayu terbentang luas dan masih banyak yang boleh terus diselidiki. Selain daripada novel *Salina*, banyak lagi novel lain yang dihasilkan oleh penulis ternama yang masih belum dikaji dari sudut linguistik, khususnya dari sudut analisis wacana. Karya-karya sastera, sama ada puisi atau cereka sangat menarik jika dikaji dari sudut linguistik.

Karya sastera merupakan gambaran cara hidup masyarakat yang dipaparkan oleh pengarang. Pengarang cuba melukiskan serealistik mungkin tentang nilai hidup masyarakat dalam karyanya. Novel, sebagai karya sastera yang agak panjang ceritanya, cuba untuk memaparkan gambaran sebenar masyarakat dari segi linguistik termasuk cara bercakap atau berbahasa. Oleh itu, selain daripada data yang dikutip di lapangan, data daripada karya sastera juga dapat dijadikan bahan kajian yang tidak kurang kukuhnya.

Pengarang novel cuba memaparkan dialog-dialog antara watak atau perbualan antara penutur dengan pendengar dalam konteks kehidupan seharian yang sebenar. Analisis wacana merupakan kajian terhadap bahasa dari sudut penggunaannya yang sebenar di kalangan penutur dan pendengar. Oleh itu, kajian-kajian terhadap penggunaan bahasa (khususnya perbualan antara watak) dalam karya sastera seperti novel dari sudut analisis wacana patut diteruskan pada masa yang akan datang.

Kajian bahasa berdasarkan analisis wacana sebenarnya merupakan cara untuk menghuraikan bahasa dalam konteks penggunaannya yang betul-betul hidup di kalangan penutur dan pendengar. Bahasa tidak boleh dilihat secara terpisah daripada penggunanya. Untuk itu, kajian bahasa dalam konteks pertuturan antara penutur dengan pendengar atau watak cerita dalam karya sastera amat penting.

Perkara penting yang hendak dicadangkan ialah kajian dan penyelidikan yang lebih meluas dan mendalam patut diteruskan untuk memperoleh maklumat tentang bahasa Melayu. Kajian terhadap bahasa Melayu dari segi penggunaannya yang sebenar patut diteruskan untuk mendapatkan maklumat yang sebenar dan lebih realistik tentang bahasa Melayu.

8.4 Penutup

Bahasa merupakan alat komunikasi yang utama. Dalam menyampaikan maklumat, bahasa juga digunakan untuk memuji, mengkritik, meluahkan perasaan dan sebagainya. Ini bermakna bahasa juga merupakan alat untuk mempersempitakan lakuhan pertuturan. Dalam perbualan antara penutur-pendengar khususnya dalam urutan tanya-jawab, ayat tanya, selain mendukung maksud pertanyaan dapat juga mendukung pelbagai maksud yang lain. Begitu juga urutan tindak balasnya, yang dapat mendukung pelbagai pengertian selain mendukung maksud jawapan. Maksud penutur dan pendengar harus diambil kira dalam menentukan maksud sebenar sesuatu bentuk bahasa, kerana bahasa yang realistik adalah bahasa yang sebenarnya digunakan di kalangan penutur dan pendengar dalam kehidupan seharian.